



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

JALAN SULTAN NAZRIN SHAH, 33000 Kuala Kangsar

Tel : 05-7763199/8199 Fax: 05-7761004

Ruj. Kami : Bil. () dlm MPKK 4/716/1
Tarikh : 22/4/2025

SEBUTHARGA SH (B) 34/2025 – MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 4 UNIT TONG SAMPAH JENIS ROLL ON ROLL OFF (RORO) BAGI BAHAGIAN PERKHIDMTAN BANDAR 2025

Merujuk kepada perkara di atas, pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang Pendaftaran 020401/080101 Dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih dibenarkan menyertai sebutharga/tawaran adalah dipelawa untuk mengemukakan harga bagi melaksanakan kerja-kerja pembekalan di atas seperti yang dikehendaki dalam ringkasan sebutharga berkepil.

2. Pembekal yang layak menyertai sebutharga ini, bolehlah mendapatkan borang sebutharga (LAMPIRAN Q) dengan kadar bayaran RM 30.00 di Tingkat 2, Bangunan Annex (Atas Manjoi Gajet), Majlis Perbandaran Kuala Kangsar seperti berikut.

2.1	Tempoh tawaran	:	24.04.2025 hingga 30.04.2025
2.2	Tarikh tutup tawaran	:	Pada 30.04.2025 Jam 12.00 tengahari

3. Pembekal adalah diwajibkan untuk melengkapkan borang sebutharga (Lampiran Q) dan Surat Akuan Pembida yang dikepilkan bersama-sama ini.

4. Borang sebutharga yang telah lengkap beserta 1 salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang dikeluarkan oleh LHDN, Surat Pendaftaran Cukai Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Penyata Kewangan Syarikat 3 bulan terkini hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pada tarikh yang telah ditetapkan.

5. Pembekal yang berjaya dalam sebutharga dikehendaki memulakan pembekalan dalam masa 7 hari selepas Pesanan Kerajaan dikeluarkan dan dikehendaki siap pada tarikh yang ditetapkan. Denda lewat akan dikenakan jika pembekal gagal menyempurnakan pembekalan di dalam tempoh yang ditetapkan.

6. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak terikat untuk menerima sebutharga yang rendah sekali atau mana-mana sebutharga sekalipun.

7. Pembekal hendaklah tidak melibatkan diri dalam perkara-perkara berikut:-

- Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan dari mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota pentadbiran awam dan menyenarai hitam Orang Awam/Peniaga atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).
- Mana-mana pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberikan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Kuala Kangsar Bandar Diraja, Bandar Warisan Budaya”

Saya yang menjalankan amanah,

DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

“PERAK SEJAHTERA 2030”